



**JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN  
MALAYSIA (MAQIS)**

**GARIS PANDUAN BAGI  
PENGIMPORTAN HAIWAN KESAYANGAN  
KE MALAYSIA**

# GARIS PANDUAN BAGI PENGIMPORAN HAIWAN KESAYANGAN KE MALAYSIA

## KANDUNGAN

<b>BIL.</b>	<b>BUTIRAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.	Pendahuluan	1
2.	Tujuan	1
3.	Tafsiran	1 - 2
4.	Syarat - syarat am pengimportan haiwan kesayangan ke malaysia	3
5.	Syarat - syarat bagi kelulusan pengimportan anjing baka terhad	4
6.	Senarai anjing baka dilarang import dan senarai anjing baka terhad	5
7.	Carta alir garis panduan bagi pengimportan haiwan kesayangan ke malaysia	6
8.	Keterangan garis panduan bagi pengimportan haiwan kesayangan ke malaysia	7 - 10
9.	Panduan pemunya haiwan (pengimport / ejen / pemilik) semasa haiwan kesayangan dikuarantin di stesen kuarantin	11 - 14
10.	Rujukan laman sesawang MAQIS dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia	14
11.	Lampiran	15 - 19

## **GARIS PANDUAN BAGI PENGIMPORAN HAIWAN KESAYANGAN KE MALAYSIA**

---

Garis panduan bagi pengimportan haiwan kesayangan ke Malaysia ini boleh berubah dari semasa ke semasa tertakluk kepada arahan Ketua Pengarah selaras dengan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].



**(SHAMSUL AKBAR BIN SULAIMAN)**

Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

Tarikh: 17.07.2023

## 1. PENDAHULUAN

- 1.1 Garis panduan bagi pengimportan haiwan kesayangan ke Malaysia ini adalah penting bagi memastikan aktiviti pengimportan haiwan kesayangan ke Malaysia dapat dilaksanakan mengikut tatacara yang telah ditetapkan.
- 1.2 Garis panduan bagi pengimportan haiwan kesayangan ke Malaysia ini dikeluarkan untuk memberikan garis panduan kepada pemohon yang terlibat dengan aktiviti import yang meliputi langkah-langkah dan tindakan yang perlu diambil sebelum, semasa dan selepas tempoh kuarantin.
- 1.3 Garis panduan bagi pengimportan haiwan kesayangan ke Malaysia ini juga menerangkan proses kerja yang lebih teratur bermula daripada sebelum kemasukan konsainan sehinggalah tempoh kuarantin sesuatu konsainan itu tamat.

## 2. TUJUAN

Garis panduan bagi pengimportan haiwan kesayangan ke Malaysia yang betul kepada pemohon untuk menjalankan aktiviti import yang tertakluk di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

## 3. TAFSIRAN

**Binatang** - Ertinya binatang yang mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Binatang 1953 [Akta 647] dan termasuk burung;

**Pegawai Penguat Kuasa MAQIS** - Ertinya seseorang Pegawai Penguat Kuasa MAQIS yang dilantik di bawah Seksyen 5 atau 6, Akta 728;

**Pintu Masuk** - Ertinya mana-mana pintu masuk atau pintu keluar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, Akta 728;

**Stesen Kuarantin** - Ertinya premis, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728], untuk mengkuarantin apa-apa binatang, burung atau dagangan;

**Borang K1** - Bermaksud borang isytihar import (K1) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia;

**Sijil Kesihatan Veterinar (SKV)** - Bermaksud satu perakuan kesihatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa veterinar negara pengeksporn;

**Airway Bill (AWB)** - Adalah dokumen yang mengiringi barang-barang yang dihantar oleh kurier antarabangsa untuk memberi maklumat terperinci dan daya jejak perjalanan;

**Borang MK1** - Borang tempahan kemudahan kuarantin;

**Borang MK9** - Bil caj bayaran kuarantin stesen kuarantin/ premis kuarantin;

**Borang MK10** - Sijil kuarantin (pelepasan haiwan daripada kuarantin di Stesen Kuarantin / Premis Kuarantin);

**Permit** - Permit yang dikeluarkan di bawah subseksyen 12(4), Akta 728;

**Pemunya** - Berkenaan dengan barang-barang termasuklah penerima konsainan, pemberi konsainan, pengimport, pengeksport, dan ejen atau seseorang yang memiliki, atau mempunyai apa-apa kawalan ke atas, atau kuasa melupuskan apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan;

**Baka Terhad** - Baka anjing yang kemasukan ke dalam negara memerlukan kelulusan khas dari MAQIS bagi tujuan sekuriti (Senarai baka terhad seperti di para 6.2); dan

**Premis** - Kawasan seperti rumah, bilik lokasi yang bersesuaian yang dipohon bagi tujuan pengasingan haiwan.

**4. SYARAT-SYARAT AM PENGIMPORAN HAIWAN KESAYANGAN KE MALAYSIA**

- 4.1 Anjing atau kucing tidak boleh berusia kurang 3 bulan semasa pengimportan.
- 4.2 Pengimportan hendaklah disertakan dengan permit import yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).
- 4.3 Pengimportan hendaklah disertakan dengan Sijil Kesihatan Veterinar yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa veterinar negara pengeksport. Pengeksportan hendaklah dilakukan dalam tempoh 7 hari dari tarikh SKV dikeluarkan.
- 4.4 Anjing atau kucing hendaklah dipasang dengan pengenalan mikrocip yang mematuhi standard ISO (Std 11784 dan 11785).
- 4.5 Bagi pengimportan anjing baka terhad, sila dapatkan kelulusan Ketua Pengarah MAQIS sebelum melakukan permohonan permit.
- 4.6 Buku rekod vaksinasi atau *Pet Passport* hendaklah mengandungi maklumat status sejarah vaksinasi, rawatan diberikan dan keadaan kesihatan terkini anjing atau kucing tersebut.
- 4.7 Tempoh kuarantin adalah berbeza mengikut dari negara mana haiwan kesayangan tersebut dibawa.
- 4.8 Bagi anjing atau kucing yang diwajibkan untuk menjalani kuarantin hendaklah dikuarantin di Stesen Kuarantin sebaik sahaja tiba di Malaysia.
- 4.9 Konsainan haiwan hendaklah dibawa oleh kapal terbang atau jenis pengangkutan yang lain terus ke tempat pendaratan yang ditetapkan di Malaysia.

**5. SYARAT-SYARAT BAGI KELULUSAN PENGIMPORAN ANJING BAKA TERHAD**

Kelulusan untuk mengimport anjing baka terhad hendaklah diperolehi secara bertulis daripada Ketua Pengarah MAQIS tertakluk kepada syarat-syarat berikut sebelum membuat permohonan permit import:

- 5.1 Anjing tidak boleh berusia kurang daripada 3 bulan semasa import.
- 5.2 Anjing hendaklah mempunyai sijil baka yang dikeluarkan oleh sebuah organisasi yang diluluskan di negeri eksport (nama dan alamat organisasi hendaklah dinyatakan).
- 5.3 Anjing hendaklah dikenal pasti menggunakan mikrochip yang mematuhi ISO (Std 11784 dan 11785) dan kod pengenalan jelas dicatatkan dalam sijil baka.
- 5.4 Nama dan alamat pengimport yang akan bertanggungjawab bagi penjagaan dan pengendalian anjing itu hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam permohonan tersebut.
- 5.5 Premis atau kediaman anjing itu hendaklah diperiksa oleh Pegawai Penguat Kuasa MAQIS untuk mengesahkan kemudahan anjing, saiz perkarangan, keselamatan dan kawalan anjing.
- 5.6 Pengimport hendaklah menyediakan suatu akuan bertulis bahawa anjing itu;
  - 5.6.1. Haiwan peliharaan peribadi dan bukan bertujuan untuk jualan (pengimportan anjing baka terhad dibenarkan sebagai haiwan peliharaan peribadi pengimport atau untuk tujuan keselamatan sahaja).
  - 5.6.2. Hendaklah dikandang dalam lingkungan kawasan pada setiap masa.
  - 5.6.3. Hendaklah di bawah kawalan pengendali yang terlatih dan mahir pada setiap masa (bagi anjing keselamatan).

**6. SENARAI ANJING BAKA DILARANG IMPORT DAN ANJING BAKA TERHAD**

**6.1. Anjing Baka Dilarang Import**

6.1.1. Akita

6.1.2. American Bulldog

6.1.3. Dog Argentino

6.1.4. Fila Brasileiro

6.1.5. Japanese Tosa

6.1.6. Neapalitan Mastiff

6.1.7. Pit Bull Terrier / Pit Bull (juga dikenali sebagai American Pit Bull, American Pit Bull Terrier, American Staffordshire Terrier dan Staffordshire Bull Terrier)

**6.2. Anjing Baka Terhad**

6.2.1. Bull Mastiff

6.2.2. Bull Terrier

6.2.3. Dobermann


6.2.4. German Shepherd / Alsatian termasuk Belgian Shepherd dan East European Shepherd

6.2.5 Perro de Presa Canario (juga dikenali sebagai Canary Dog)

6.2.6. Rottweiler

6.2.7. Belgian Malinois

7. CARTA ALIR GARIS PANDUAN BAGI PENGIMPORAN HAIWAN KESAYANGAN KE MALAYSIA



**8. KETERANGAN CARTA ALIR PENGIMPORAN HAIWAN KESAYANGAN KE MALAYSIA**

**Sebelum ketibaan**

<p><b>Kenalpasti Jika Haiwan Kesayangan Wajib Kuarantin Atau Tidak Dikecualikan</b></p>	<p>a) Pemohon hendaklah mengenal pasti sama ada haiwan kesayangan daripada negara dikecualikan keperluan kuarantin atau tidak dikecualikan.</p> <p>b) Jika daripada negara yang dikecualikan kuarantin (lampiran di muka surat 14), hendaklah menempah ruang kuarantin di stesen kuarantin.</p>										
<p><b>Pendaftaran Sistem SPEED</b></p>	<p>Pendaftaran boleh dilakukan secara atas talian di <a href="https://imaqis.maqis.gov.my/">https://imaqis.maqis.gov.my/</a>. Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan permit boleh berhubung dengan Bahagian Import Eksport dan Data di talian <b>03-8870 8000</b> atau e-mel di <a href="mailto:feedback@maqis.gov.my">feedback@maqis.gov.my</a>.</p>										
<p><b>Tempah Ruang Kuarantin Di Stesen Kuarantin</b></p>	<p>a) Permohonan hendaklah memilih tarikh pengimportan dan menempah ruang kuarantin sebelum pengimportan haiwan kesayangan.</p> <p>b) Menempah ruang kuarantin secara manual iaitu menghubungi Stesen Kuarantin (di kaunter) untuk bertanya berkenaan kekosongan ruang kuarantin pada tarikh tersebut. Tempahan perlu dibuat 7 hari sebelum tarikh kemasukan.</p> <p>c) Boleh menghubungi pihak Stesen Kuarantin MAQIS seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="579 1209 1497 1429"> <thead> <tr> <th align="center">Stesen</th> <th align="center">No.Telefon</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Stesen Kuarantin KLIA</td> <td>03 - 8787 2377 / 2379</td> </tr> <tr> <td>Stesen Kuarantin Batu Maung</td> <td>04 - 645 1292 / 1296</td> </tr> <tr> <td>Stesen Kuarantin Padang Besar</td> <td>04 - 949 0230</td> </tr> <tr> <td>Stesen Kuarantin Rantau Panjang</td> <td>09 - 795 0424</td> </tr> </tbody> </table>	Stesen	No.Telefon	Stesen Kuarantin KLIA	03 - 8787 2377 / 2379	Stesen Kuarantin Batu Maung	04 - 645 1292 / 1296	Stesen Kuarantin Padang Besar	04 - 949 0230	Stesen Kuarantin Rantau Panjang	09 - 795 0424
Stesen	No.Telefon										
Stesen Kuarantin KLIA	03 - 8787 2377 / 2379										
Stesen Kuarantin Batu Maung	04 - 645 1292 / 1296										
Stesen Kuarantin Padang Besar	04 - 949 0230										
Stesen Kuarantin Rantau Panjang	09 - 795 0424										
<p><b>Isi Borang Tempahan Ruang Kuarantin (Borang MK1)</b></p>	<p>a) Setelah pemohon menerima pengesahan daripada Stesen Kuarantin bahawa terdapatnya ruang kuarantin pada tarikh pengimportan, seterusnya pemohon dikehendaki ke pejabat Stesen Kuarantin untuk mengisi borang tempahan ruang kuarantin (Borang MK1) dan membuat pembayaran penuh mengikut tempoh kuarantin.</p> <p>b) Sebarang perubahan kepada tempahan hendaklah dimaklumkan kepada Stesen Kuarantin dalam tempoh 3 hari selepas tempahan diluluskan.</p> <p>c) Tempoh sah tempahan adalah sehingga 5 hari bekerja selepas tarikh pengimportan dan mana-mana ruang tempahan yang tidak digunakan selepas tempoh tersebut akan dibuka semula untuk di tempah oleh orang lain dan pembayaran tempahan yang dilakukan tidak akan dipulangkan semula.</p>										

## GARIS PANDUAN BAGI PENGIMPORAN HAIWAN KESAYANGAN KE MALAYSIA

	<p>d) Pemohon akan diberikan nombor tempahan ruang kuarantin, nombor bilik dan nombor surat rujukan (jika berkenaan) yang merupakan syarat untuk kelulusan permit import anjing atau kucing.</p>
<p><b>Permohonan Permit Melalui Sistem ePermit</b></p>	<p>a) Pemohon boleh memohon sendiri atau melantik ejen untuk memohon permit anjing atau kucing bagi pihak pemohon.</p> <p>b) Pemohon / ejen perlu memasukkan nombor tempahan ruang kuarantin ke dalam permohonan permit import pemohon melalui sistem permohonan ePermit.</p> <p>c) Sekiranya mengimport anjing atau kucing daripada negara yang dikecualikan daripada kuarantin, anda tidak perlu untuk melakukan perkara (b) di atas.</p> <p>d) Pegawai MAQIS akan membuat semakan melalui sistem ePermit bagi maklumat permohonan dan mengesahkan permohonan tersebut.</p> <p>e) Bagi permohonan yang ditolak, pemohon/ ejen yang dilantik perlu mengemukakan semula permohonan tersebut.</p> <p>Permohonan permit import boleh dilakukan secara dalam talian di <a href="https://newepermit.dagangnet.com.my/">https://newepermit.dagangnet.com.my/</a>. Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan permit boleh berhubung kepada Bahagian Import Eksport dan Data di talian <b>03-8870 8000</b> atau e-mel di <a href="mailto:feedback@maqis.gov.my">feedback@maqis.gov.my</a>.</p>
<p><b>Cetak Permit Import</b></p>	<p>a) Setelah permohonan tersebut diluluskan dan bayaran dibuat, pemohon / ejen yang dilantik boleh mencetak permit import dengan segera.</p> <p>b) Pemohon hendaklah menerima salinan asal permit import daripada ejen yang dilantik.</p> <p>c) Pemohon hendaklah mengemukakan salinan asal permit import, sijil kesihatan veterinar dan rekod vaksinasi (negara asal) untuk pemeriksaan oleh Pegawai Penguat Kuasa MAQIS sebaik tiba di pintu masuk.</p>
<p><b>Ketibaan pengisytiharaan pengimportan di Pintu Masuk MAQIS</b></p>	<p>Pemohon hendaklah mengisytiharkan semua dokumen semasa ketibaan di pintu masuk.</p>
<p><b>Semakan dokumen dan pemeriksaan fizikal haiwan.</b></p>	<p>a) Pemohon perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Borang K1 (pengakuan barang-barang yang diimport) (jika berkaitan)</li> <li>• <i>Airway bill</i> (kargo udara) / <i>invois</i> (kargo darat) <i>Boarding pass</i> dan <i>passport</i> pemunya bagi laluan penumpang persendirian.</li> <li>• Permit import MAQIS</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat permohonan perlu dihantar sekurang-murangnya 14 hari sebelum pertandingan.</li> <li>• Surat kelulusan daripada Ketua Pengarah MAQIS (bagi kemasukan anjing baka terhad, haiwan kesayangan dari Sarawak dan haiwan yang menyertai pertandingan antarabangsa).</li> <li>• Sijil Kesihatan Veterinar yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kompeten veterinar dari negara asal (Dokumen asal).</li> <li>• Buku vaksinasi / sijil vaksinasi / <i>pet passport</i>. Vaksin anti rabies / <i>core vaccine</i> adalah wajib.</li> <li>• Permit CITES (jika berkaitan).</li> <li>• Borang MK1 (salinan borang prosedur tempahan kemudahan kuarantin).</li> </ul>										
<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content; margin: 10px auto;"> <p><b>Haiwan Kesayangan Ke Stesen Kuarantin Untuk Menjalani Tempoh Kuarantin Yang Telah Ditetapkan</b></p> </div>	<p>1) Haiwan kesayangan dan dokumen import hendaklah dihantar ke Stesen Kuarantin dengan menggunakan kenderaan sendiri atau kenderaan ejen yang dilantik dengan diiringi oleh Pegawai Penguat Kuasa MAQIS. Jika tiba melalui terminal penumpang KLIA / KLIA 2 selepas jam 1900, proses penghantaran hendaklah dilakukan oleh ejen yang dilantik. Sekiranya haiwan tersebut tiba di terminal selepas jam 1900, pemohon/ ejen yang dilantik perlu berurusan dengan Pegawai Stesen Kuarantin terlebih dahulu bagi kemasukan haiwan di Stesen Kuarantin.</p> <p>Waktu Operasi:</p> <table border="1" data-bbox="584 1323 1506 1868"> <thead> <tr> <th align="center">Stesen</th> <th align="center">Waktu Operasi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Stesen Kuarantin KLIA</td> <td> <b>Isnin hingga Ahad</b>                      • 0800 - 1900 (Kargo KLIA)                      • Tiada had masa kemasukan (MTB KLIA)                 </td> </tr> <tr> <td>Stesen Kuarantin Batu Maung</td> <td> <b>Isnin hingga Jumaat</b>                      0800 - 1700                 </td> </tr> <tr> <td>Stesen Kuarantin Padang Besar</td> <td> <b>Isnin hingga Jumaat</b>                      0800 - 1700                 </td> </tr> <tr> <td>Stesen Kuarantin Rantau Panjang</td> <td> <b>Isnin hingga Jumaat</b>                      0800 - 1700                 </td> </tr> </tbody> </table> <p>2) Pemunya haiwan bertanggungjawab memastikan haiwan dibawa ke Stesen Kuarantin untuk menjalani prosedur kuarantin seperti yang ditetapkan.</p>	Stesen	Waktu Operasi	Stesen Kuarantin KLIA	<b>Isnin hingga Ahad</b> • 0800 - 1900 (Kargo KLIA) • Tiada had masa kemasukan (MTB KLIA)	Stesen Kuarantin Batu Maung	<b>Isnin hingga Jumaat</b> 0800 - 1700	Stesen Kuarantin Padang Besar	<b>Isnin hingga Jumaat</b> 0800 - 1700	Stesen Kuarantin Rantau Panjang	<b>Isnin hingga Jumaat</b> 0800 - 1700
Stesen	Waktu Operasi										
Stesen Kuarantin KLIA	<b>Isnin hingga Ahad</b> • 0800 - 1900 (Kargo KLIA) • Tiada had masa kemasukan (MTB KLIA)										
Stesen Kuarantin Batu Maung	<b>Isnin hingga Jumaat</b> 0800 - 1700										
Stesen Kuarantin Padang Besar	<b>Isnin hingga Jumaat</b> 0800 - 1700										
Stesen Kuarantin Rantau Panjang	<b>Isnin hingga Jumaat</b> 0800 - 1700										

## GARIS PANDUAN BAGI PENGIMPORAN HAIWAN KESAYANGAN KE MALAYSIA

	<ol style="list-style-type: none"> <li>3) Pemunya haiwan dikehendaki untuk menandatangani borang akujanji (Borang MK2) semasa penyerahan haiwan kesayangan.</li> <li>4) Sila pastikan semua peralatan yang diperlukan dan makanan serta minuman haiwan kesayangan disediakan dan dibawa bersama ke ruang kuarantin yang telah ditempah.</li> <li>5) Bagi bilik yang dilengkapi penghawa dingin sila pastikan suhu penghawa dingin mengikut keperluan.</li> <li>6) Kenderaan pemunya haiwan/ ejen hanya dibenarkan dibawa masuk ke kawasan kuarantin pada hari haiwan masuk ke dalam kuarantin dan hari keluar kuarantin sahaja.</li> </ol>
<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content;"> <p><b>Pengurusan Haiwan Kesayangan Dalam Tempoh Kuarantin Oleh Pemunya Haiwan (Memberi Makan, Minum, Pembersihan Dan Kekemasan Bilik Kurungan.</b></p> </div>	<p>Penjagaan haiwan semasa di dalam Stesen Kuarantin:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Memberi makan dan minum             <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Pemunya haiwan dikehendaki menyediakan makanan dan minuman secukupnya kepada haiwan kesayangan setiap hari</li> <li>2) Adalah menjadi tanggungjawab pemunya haiwan (pengimport / ejen / pemilik) untuk memastikan haiwan kesayangan diberi makanan dan air secukupnya setiap hari semasa berada di kuarantin.</li> </ol> </li> <li>b. Membersihkan dan mengemaskan bilik kurungan.</li> </ol> <p>Pemunya haiwan dikehendaki untuk membersihkan bilik kurungan haiwan kesayangan dan memastikan kekemasan setiap hari selama haiwan kesayangan menjalani kuarantin.</p>
<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content;"> <p><b>Selepas Tamat Kuarantin, Borang MK9 Dan MK10 Akan Dikeluarkan Oleh Pihak Stesen</b></p> </div>	<ol style="list-style-type: none"> <li>a) Pemohon perlu membuat bayaran selepas tamat tempoh kuarantin, Borang <b>MK9</b> dan <b>MK10</b> akan dikeluarkan oleh pihak Stesen Kuarantin:             <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>MK9</b> (borang bil caj bayaran kuarantin)</li> <li>• <b>MK10</b> (sijil kuarantin - pelepasan haiwan daripada kuarantin di Stesen Kuarantin/ Premis Kuarantin)</li> </ul> </li> <li>b) Bagi caj pemeriksaan boleh rujuk di Stesen Kuarantin haiwan sewaktu tempahan dilakukan.</li> </ol>

**9. PANDUAN PEMUNYA HAIWAN (PENGIMPORT/ EJEN/ PEMILIK) SEMASA HAIWAN KESAYANGAN DIKUARANTIN DI STESEN KUARANTIN**

**A. Penyerahan haiwan sewaktu ketibaan di pintu masuk (masuk melalui KLIA)**

- 1) Sila serahkan haiwan kesayangan bersama-sama dengan dokumen import kepada Pegawai Penguat kuasa MAQIS di pintu masuk untuk diperiksa;
  - a. Permit import (salinan asal)
  - b. Sijil Kesihatan Veterinar (salinan asal) yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa veterinar negara pengeksporth
  - c. Buku vaksin / sijil vaksinasi / *pet passport*
  - d. Keputusan makmal seperti yang dinyatakan dalam syarat permit import (untuk Negara Australia sahaja) (salinan asal)
  - e. Borang tempahan ruang kuarantin (MK1) yang telah diluluskan. (salinan)
  - f. Surat Kelulusan Ketua Pengarah MAQIS pengimportan anjing baka terhad (salinan)

**B. Proses kemasukan haiwan ke Stesen Kuarantin dan pendaftaran sebagai pemunya haiwan**

- 1) Haiwan kesayangan dan dokumen import hendaklah dihantar ke Stesen Kuarantin dengan menggunakan kenderaan sendiri atau kenderaan ejen yang dilantik diiringi oleh Pegawai Penguat Kuasa MAQIS. Jika tiba melalui terminal penumpang KLIA / KLIA 2 selepas jam 1900, proses penghantaran hendaklah dilakukan oleh ejen yang dilantik. Sekiranya haiwan tersebut tiba di terminal selepas jam 1900, pemohon / ejen yang dilantik perlu berurusan dengan Pegawai Stesen Kuarantin terlebih dahulu bagi kemasukan haiwan di Stesen Kuarantin.

<b>Stesen</b>	<b>Waktu Operasi</b>
Stesen Kuarantin KLIA	<b>Isnin hingga Ahad</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 0800 - 1900 (Kargo KLIA)</li> <li>• Tiada had masa kemasukan (MTB KLIA)</li> </ul>
Stesen Kuarantin Batu Maung	<b>Isnin hingga Jumaat</b> 0800 - 1700
Stesen Kuarantin Padang Besar	<b>Isnin hingga Jumaat</b> 0800 - 1700
Stesen Kuarantin Rantau Panjang	<b>Isnin hingga Jumaat</b> 0800 - 1700

- 2) Pemunya haiwan bertanggungjawab memastikan haiwan dibawa ke Stesen Kuarantin untuk menjalani prosedur kuarantin seperti yang ditetapkan.
- 3) Pemunya haiwan dikehendaki untuk menandatangani borang aku janji (Borang MK2) semasa penyerahan haiwan kesayangan.

- 4) Pendaftaran sebagai pemunya haiwan hendaklah dilakukan dengan mengisi Borang MK5 di pejabat Stesen Kuarantin. Takrifan pemunya haiwan adalah mana-mana individu / syarikat / organisasi yang tertera nama dan maklumat pada dokumen import (permit, sijil kesihatan veterinar, buku vaksinasi, borang K1 atau surat kelulusan mengimport).
- 5) Sila pastikan semua peralatan yang diperlukan dan makanan serta minuman haiwan kesayangan disediakan dan dibawa bersama ke ruang kuarantin yang telah ditempah.
- 6) Bagi bilik dilengkapi dengan penghawa dingin sila setkan suhu penghawa dingin mengikut keperluan.
- 7) Kenderaan pemunya haiwan / ejen hanya dibenarkan dibawa masuk ke kawasan kuarantin pada hari haiwan masuk ke dalam kuarantin dan hari keluar kuarantin sahaja.

**C. Prosedur melawat haiwan kesayangan di dalam Stesen Kuarantin**

- 1) Hanya pemunya haiwan yang berdaftar sahaja dibenarkan untuk melawat.
- 2) Waktu lawatan yang telah ditetapkan hendaklah diketahui dan dipatuhi.
- 3) Pastikan maklumat masuk ke stesen kuarantin dicatat di buku daftar pelawat dan pas pelawat telah diambil.
- 4) Setiap hari selepas lawatan, pastikan pas pelawat dikembalikan dan maklumat keluar dicatatkan di buku daftar pelawat.
- 5) Waktu lawatan di Stesen Kuarantin.

<b>Stesen</b>	<b>Waktu Lawatan</b>
Stesen Kuarantin KLIA	<p><b>Isnin hingga Khamis</b> 0800 - 1300 1400 - 1600</p> <p><b>Jumaat</b> 0800 - 1200 1500 - 1600</p> <p><b>Sabtu hingga Ahad</b> 0800 - 1300 (Pemunya haiwan kesayangan yang menggunakan perkhidmatan ejen boleh lawat haiwan kesayangan pada hari pertama dan hari terakhir sahaja)</p>
Stesen Kuarantin Batu Maung	<p><b>Isnin hingga Jumaat</b> 0800 - 1700</p> <p><b>Sabtu dan Ahad</b> 0800 - 1300</p>
Stesen Kuarantin Padang Besar	<p><b>Isnin hingga Jumaat</b> 0800 - 1700</p> <p><b>Sabtu dan Ahad</b> 0800 - 1300</p>
Stesen Kuarantin Rantau Panjang	<p><b>Isnin hingga Jumaat</b> 0800 - 1700</p>

**D. Pengambilan sampel oleh Pegawai Penguat Kuasa MAQIS**

- 1) Pemunya haiwan dikehendaki untuk hadir semasa proses pengambilan sampel hanya apabila diperlukan dan dihubungi oleh pihak MAQIS.

**Penjagaan Haiwan Semasa Di Dalam Stesen Kuarantin**

**E. Memberi makan dan minum**

- 1) Pemunya haiwan dikehendaki menyediakan makanan dan minuman secukupnya kepada haiwan kesayangan setiap hari
- 2) Adalah menjadi tanggungjawab pemunya haiwan (pengimport / ejen / pemilik) untuk memastikan haiwan kesayangan diberi makanan dan air secukupnya setiap hari semasa dikuarantin.

**F. Membersihkan dan mengemaskan bilik kurungan**

- 1) Pemunya haiwan dikehendaki untuk membersihkan dan mengemaskan bilik kurungan haiwan kesayangan setiap hari selama haiwan kesayangan menjalani kuarantin.

**G. Tanda-tanda tidak normal**

- 1) Jika pemunya haiwan mendapati sebarang tanda-tanda tidak normal pada haiwan kesayangan, sila hubungi pihak pengurusan Stesen Kuarantin dengan serta merta.

**H. Proses tamat kuarantin**

- 1) Pemunya haiwan dikehendaki menunjukkan salinan borang akujanji (borang MK2) semasa mengambil haiwan kesayangan yang telah tamat menjalani tempoh kuarantin.
- 2) Sila sahkan surat akuan terimaan haiwan dan pastikan segala caj dibayar. Simpan resit untuk rujukan.
- 3) Sila pastikan sijil kuarantin telah dikeluarkan untuk haiwan kesayangan.
- 4) Sila pastikan tiada peralatan ditinggalkan dan segala sisa dan sampah telah dibuang.

**TEMPOH KUARANTIN DI STESEN KUARANTIN**

**I. Negara yang dikecualikan syarat kuarantin**

- 1) Anjing dan kucing dari United Kingdom, Eire, Northern Ireland, Sweden, New Zealand, Jepun, Brunei dan Singapura tidak tertakluk kepada syarat kuarantin dengan syarat haiwan itu sihat dan semua dokumen adalah lengkap.

**J. Negara yang tidak dikecualikan syarat kuarantin**

- 1) Anjing dan kucing dari negara-negara lain (selain daripada United Kingdom, Eire, Northern Ireland, Sweden, New Zealand, Jepun, Brunei dan Singapura) adalah tertakluk kepada kuarantin sekurang-kurangnya 7 hari.

**K. Negara Australia**

- 1) Anjing dan kucing dari Australia dikenakan syarat pengasingan selama 10 hari untuk pengesanan penyakit *Hendra Virus*.

**L. Fi dan caj**

- 1) Sila rujuk Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Fi dan Caj) 2013 [P.U.(A) 115/2013]

**10. RUJUKAN**

1. Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) ([www.maqis.gov.my](http://www.maqis.gov.my))
- 2 . Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (JPV) ([www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my))

**11. LAMPIRAN**

**11.1 Borang Prosedur Tempahan Kemudahan Kuarantin (MK1)**

 <p><b>JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)</b>          DEPARTMENT OF MALAYSIAN QUARANTINE AND INSPECTION SERVICES (MAQIS)</p> <p><b>KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN</b>          MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRY</p> <p><b>Prosedur Tempahan Kemudahan Kuarantin</b>  <i>Booking of Quarantine Facility</i></p>		<p><b>Borang MK1</b>  <i>Salinan Pejabat Stesen Kuarantin</i></p> 																																					
<p><i>i. Tempahan kemudahan kuarantin hendaklah dibuat sebelum pengimportan / Booking of quarantine facility shall be made before the date of importation</i></p> <p><i>ii. Pengurusan Stesen Kuarantin berhak menolak kemasukan haiwan sekiranya permohonan tidak dibuat. / The Quarantine Station Management have the rights to reject animal if the application is not made.</i></p> <p><i>iii. Jika tiada kemasukan selepas lima (5) hari dari permohonan tarikh masuk, Pengurusan Stesen Kuarantin berhak membatalkan tempahan yang dibuat. / If there is no entry after five (5) day from date of entry application, the Quarantine Management reserves the right to cancel the booking.</i></p>																																							
<p>Stesen Kuarantin / Quarantine Station :</p> <p> <input type="checkbox"/> SK KLIA                <input type="checkbox"/> SK Batu Maung                <input type="checkbox"/> SK Rantau Panjang                <input type="checkbox"/> SK Padang Besar         </p>																																							
<p>1. Nama dan Alamat Pengimport / Pemunya  <i>Name and Address of Importer / Owner</i></p>		<p>2. Nama dan Alamat Ejen (Sekiranya Berkaitan)  <i>Name and Address of Agent</i></p>																																					
<p>1.1 No. Telefon / Faks <i>Tel No./Fax</i></p>	<p>1.2. No. K.P. / Passport  <i>I.C. / Passport No.</i></p>	<p>2.1. No. Telefon / Faks <i>Tel No./Fax</i></p>	<p>2.2. No. K.P. / Passport  <i>I.C.No / Passport No.</i></p>																																				
<p>3. Tarikh import / <i>Date of import</i></p>		<p>4. Pintu Masuk / <i>Entry Point</i></p>																																					
<p>5. Negara Asal / <i>Country of Origin</i></p>																																							
<p>6. Tarikh Masuk Kuarantin  <i>/ Date enter quarantine</i></p>		<p>7. Tarikh Kuarantin Bermula dan Sehingga /  <i>Quarantine Start Date and Until</i></p>																																					
		<p>8. Tempoh Kuarantin /  <i>Quarantine Period</i></p>																																					
<p>9. Butiran haiwan / <i>Animal Details</i></p> <table border="1" style="width:100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Spesis / <i>Species</i></th> <th>Baka / <i>Breed</i></th> <th>No Pengenalan / <i>Identification No.</i></th> <th>Kuantiti / <i>Quantity</i></th> <th>Umur &amp; Jantina / <i>Ago &amp; sex</i></th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>1</td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td>2</td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td>3</td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td>4</td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td>5</td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> </tbody> </table>				Bil.	Spesis / <i>Species</i>	Baka / <i>Breed</i>	No Pengenalan / <i>Identification No.</i>	Kuantiti / <i>Quantity</i>	Umur & Jantina / <i>Ago &amp; sex</i>	1						2						3						4						5					
Bil.	Spesis / <i>Species</i>	Baka / <i>Breed</i>	No Pengenalan / <i>Identification No.</i>	Kuantiti / <i>Quantity</i>	Umur & Jantina / <i>Ago &amp; sex</i>																																		
1																																							
2																																							
3																																							
4																																							
5																																							
<p><small>* Maksimum lima (5) ekor untuk kucing bagi sebuah bilik kuarantin / <i>Maximum of five (5) cats per quarantine room</i></small></p> <p><small>*Syarat-Syarat Kuarantin adalah seperti di muka surat 2 daripada 2 / <i>Quarantine Conditions are as on page 2 of 2</i></small></p>																																							
<p>Pemilik / Pemohon / <i>Owner / Applicant</i>                  Saya mengesahkan segala maklumat di atas adalah benar dan saya bersetuju dengan syarat-syarat dinyatakan.</p> <p>.....                  Tandatangan / <i>Signature</i>                  Cop Nama &amp; Jawatan / <i>Name &amp; Designation Stamp</i>                  No. Telefon / <i>Telephone No. :</i>                  Tarikh / <i>Date :</i></p>																																							
<p><small>* Tandakan yang mana berkenaan / <i>Tick whichever is applicable</i></small></p>		<p><small>Muka Surat 1 daripada 2 / <i>Page 1 of 2</i></small></p>																																					

**11.2 Borang Akujanji Pemunya Haiwan Semasa Berada Di Stesen Kuarantin (MK2)**

Borang MK2	
Sallinan Pejabat Kuarantin / Premis Kuarantin	
JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN	NO <span style="border: 1px solid black; display: inline-block; width: 50px; height: 15px;"></span>
<b>AKUJANJI PEMUNYA HAIWAN SEMASA HAIWAN BERADA DI STESEN KUARANTIN</b> STESEN KUARANTIN : SK KLIA / SK BATU MAUNG / SK RANTAU PANJANG / SK PADANG BESAR	
<p><b>A. KESELAMATAN DAN BIOSEKURITI</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Hanya Pemunya Haiwan yang mempunyai Pas sahaja yang dibenarkan masuk.</li> <li>2. Pemunya Haiwan dikehendaki memakai Pas dengan jelas sepanjang berada dalam Stesen Kuarantin.</li> <li>3. Masa pengurusan penjagaan haiwan yang dibenarkan adalah sebagaimana yang telah ditetapkan.</li> <li>4. Pemunya Haiwan tidak dibenarkan masuk ke dalam ruang/ bilik kuarantin haiwan lain.</li> <li>5. Kenderaan tidak dibenarkan masuk ke dalam kawasan kuarantin kecuali dengan kebenaran Ketua Stesen Kuarantin.</li> <li>6. Bilik kurungan perlu dikunci selepas lawatan selesai dan kunci hendaklah ditinggalkan di pondok pengawal keselamatan.</li> </ol> <p><b>B. KEBERSIHAN BILIK KURUNGAN / KANDANG</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pemunya Haiwan adalah bertanggungjawab terhadap kebersihan bilik kurungan / kandang haiwan masing-masing sepanjang tempoh kuarantin.</li> <li>2. Peralatan pembersihan asas bagi tujuan pembersihan haiwan dan bilik kurungan / kandang adalah tanggungjawab Pemunya Haiwan.</li> </ol> <p><b>C. KEMUDAHAN UTILITI</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pihak Stesen Kuarantin hanya menyediakan bekalan utiliti (bekalan air dan elektrik) yang mencukupi.</li> <li>2. Bilik berhawa dingin (hanya di Stesen Kuarantin KLIA) diberi keutamaan kepada haiwan yang berasal dari negara beriklim sejuk tertakluk kepada kekosongan.</li> <li>3. Stesen Kuarantin tiada halangan jika pemunya membawa alat penghawa dingin sendiri.</li> </ol> <p><b>D. MAKANAN DAN MINUMAN HAIWAN DALAM TEMPOH KUARANTIN</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bekalan bahan makanan dan minuman untuk haiwan yang dikuarantin adalah di bawah tanggungjawab Pemunya haiwan.</li> <li>2. Pemunya haiwan bertanggungjawab untuk memberi sendiri makan dan minum haiwan masing-masing.</li> </ol> <p>NO. RUJUKAN BORANG MK1: .....</p>	<p><b>E. KESIHATAN HAIWAN</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sekiranya terdapat kecederaan atau simptom-simptom penyakit, Pemunya haiwan hendaklah memaklumkan pihak Stesen Kuarantin.</li> <li>2. Pemunya Haiwan boleh mendapatkan khidmat Doktor Veterinar bertauliah untuk tujuan memeriksa dan merawat dengan kebenaran Ketua Stesen Kuarantin.</li> </ol> <p><b>F. BAYARAN KUARANTIN</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Semua bayaran mesti dijelaskan sebelum haiwan dibenarkan keluar daripada Stesen Kuarantin.</li> </ol> <p><b>G. ARAHAN</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. MAQIS dan Kerajaan Malaysia tidak dipertanggungjawabkan ke atas apa-apa kehilangan, kerosakan, kecederaan, penyakit atau kematian kerana apa-apa punca semasa dan selepas tempoh kuarantin.</li> <li>2. Pemunya Haiwan akan mengambil sepenuhnya tanggungjawab ke atas apa-apa kerosakan dan kerugian yang dialami oleh Stesen Kuarantin semasa tempoh kuarantin haiwan yang disahkan oleh Ketua Stesen Kuarantin.</li> <li>3. Pemunya Haiwan hendaklah mematuhi peruntukan peraturan yang ditetapkan oleh pihak Jabatan seperti yang terkandung di bawah Akta MAQIS 2011 [Akta 728] dan Peraturan-Peraturan MAQIS serta arahan lain yang dikeluarkan dari masa ke semasa</li> </ol> <p>Saya bersetuju dengan syarat-syarat yang dinyatakan di atas.</p> <p>Pengimport / Pemunya Haiwan / Ejen</p> <p>.....</p> <p align="center">Tandatangan</p> <p>Nama : No. Pengenalan : No. Telefon : Tarikh :</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; text-align: center;"> <p><b>DISAKSI DAN DISAHKAN OLEH PEGAWAI MAQIS</b></p> <p>.....</p> <p align="center">Tandatangan</p> <p>Nama : Jawatan : Tarikh :</p> </div>

11.3 Borang Iringan Penghantaran Haiwan Ke Stesen Kuarantin / Premis Kuarantin (MK3)

Dari Pintu Masuk / From Entry Point		Ke Stesen / Premis Kuarantin / To Quarantine Station/Premise		No. Rujukan / Reference No.		
<p><b>Borang MK3</b> Salinan Pejabat Pintu Masuk</p> <p><b>JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)</b> DEPARTMENT OF MALAYSIAN QUARANTINE AND INSPECTION SERVICES (MAQIS)</p> <p><b>KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA</b> MINISTRY OF AGRICULTURE AND AGRO BASED INDUSTRY MALAYSIA</p> <p><b>Borang Iringan Penghantaran Haiwan ke Stesen Kuarantin / Premis Kuarantin</b> Accompanying Form for Animal Delivery to The Quarantine Station / Premise</p>				 		
1. Nama dan Alamat Pengimport / Pemunya <i>Name and Address of importer / Owner</i>		2. Nama dan Alamat Ejen <i>Name and Address of Agent</i>				
1.1 No. Telefon /Faks <i>Tel No./Fax</i>	1.2. No. K.P. / Passport <i>I.C. / Passport</i>	2.1. No. Telefon /Faks <i>Tel No./Fax</i>	2.2. No. K.P. / Passport <i>I.C.No / Passport</i>			
3. No. Bil Muatan / Airwaybill <i>Bill of Lading / Airwaybill No.</i>		4. No. Kapal / Penerbangan / Kenderaan <i>Vessel / Flight / Vehicle No.</i>		5. Negara Asal / Country of Origin		
6. No. Daftar Kastam/Custom Registration No.		7. No. Manifes / Inbols <i>Manifest No./Invoice</i>		8. No. Lesen / Permit / Licence / Permit No.		
9. No. Sijil / Certificate No.		10. No. Permit CITES / CITES Permit No.		11. Tarikh Import / Date of import		
12. Butiran Haiwan/ Animal Details						
Bil	Spesies/Variati <i>Species/Variety</i>	Baka / Breed	Kuantiti <i>Quantity</i>	No. Pengenalani/ Identification <i>No.</i>	No kenderaan / <i>transport no.</i>	No seal / seal no.
1						
2						
3						
4						
5						
13. Akuan Penerimaan oleh Pengimport / Pemunya / Ejen Pengiring / Pemandu daripada Pegawai MAQIS Pintu Masuk <i>Acknowledgement of receipts by the Importer / Owner / Agent / Escort / Driver from the MAQIS Officer at the Entry Point</i>						
..... (.....) Nama Pengimport/ Pemunya/ Ejen/ Pengiring/ Pemandu <i>Name of Importer/ Owner/ Agent/ Escort/ Driver</i> Cop Rasmi: <i>Official Stamp</i>				Masa dan Tarikh bertolak ( <i>Time and Date of Departure</i> ):		
14. Akuan Penyerahan Ketua Pintu Masuk MAQIS <i>Acknowledgement of Handover by MAQIS Chief of Entry Point</i>						
..... Tandatangan / Signature Cop Nama & Jawatan / Name & Designation Stamp No. Telefon / Telephone No. : Tarikh / Date :				Masa dan Tarikh Diserahkan ( <i>Time and Date of Handover</i> ):  Catatan: (kernatian/kerosakan/keadaan seal) <i>Note: (dead/damage/seal condition)</i>		
* Potong yang mana tidak berkenaan / Delete whichever is not applicable						

# GARIS PANDUAN BAGI PENGIMPORAN HAIWAN KESAYANGAN KE MALAYSIA

## 11.4 Borang Bil Caj Bayaran Kuarantin Stesen Kuarantin / Premis Kuarantin

Borang MK9

*Salinan Pejabat Stesen / Premis Kuarantin*

**JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)**

DEPARTMENT OF MALAYSIAN QUARANTINE AND INSPECTION SERVICES (MAQIS)

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA**

MINISTRY OF AGRICULTURE AND AGRO BASED INDUSTRY MALAYSIA



### Bil Caj Bayaran Kuarantin Stesen Kuarantin / Premis Kuarantin

*Quarantine Charges Bill (Release of Animal from Quarantine at the Quarantine Station / Premise)*

Bil dikeluarkan oleh Stesen / Premis Kuarantin / Bill issued by Quarantine Station / Premise:				Tarikh / Date:	
<b>STESEN KUARANTIN KLIA</b>					
1. Nama dan Alamat Pengimport / Pemunya <i>Name and Address of Importer / Owner</i>			2. Nama dan Alamat Ejen <i>Name and Address of Agent</i>		
1.1 No. Telefon / Faks Tel No./Fax	1.2 No. K.P. / Passport <i>I.C. / Passport</i>	2.1 No. Telefon / Faks Tel No./Fax	2.2 No. K.P. / Passport <i>I.C.No / Passport</i>		
3. Pintu Masuk / Entry Point	4. Tarikh Import / Date of Import	5. No. Lesen / Permit / Licence / Permit No.	6. Tarikh mula kuarantin <i>Date Enter Quarantine</i>		

7. Butiran haiwan / Animal Details

Bil	Spesis/Variat / Species/Variety	Baka / Breed	Umur/ Age	Jantina / Sex	Kuantiti / Quantity	No. Pengenalan / Identification No.	bil. Dilepaskan / No. Release
1					1		1
2					1		1
3					1		1
4					1		1
5					1		1

8. Butiran caj bayaran / Charges details

Bil.	Perkara / Item	Bayaran/Charges			Jumlah/Amount (RM)
		Jumlah/Amount (RM)	Jumlah hari / total days	Jumlah Ekor / total heads	
1	Caj pemeriksaan di Pintu Masuk / Inspection charges at the entry point				
2	Caj Bayaran Bilik Kuarantin / Quarantine Room Charges				
	Bilik Biasa / Normal Room				
	Bilik Berhawa Dingin / Air-Conditioned Room				
3	Caj Bayaran Perkhidmatan Makmal / Laboratory Service Charges				
4	Caj Bayaran Vaksin Anti-Rabies / Anti-Rabies Vaccine Charges				
5	Bayaran Caj Sijil Kuarantin / Quarantine Certificate Charges				
6	Caj Bayaran Pengangkutan / Transportation Charges				
7	Caj Bayaran Khidmat Faks ke VRI / Fax to VRI Service Charges				
8	Lain-Lain Caj / Additional Charges				
Jumlah Perlu Di Bayar / Total Charges to be paid		Ringgit Malaysia (RM)			
<u>Untuk kegunaan pejabat / For office use</u>					

\* Potong yang mana tidak berkenaan / Delete whichever is not applicable

## 11.5 Borang Sijil Kuarantin (Pelepasan Haiwan Daripada Kuarantin Di Stesen Kuarantin / Premis Kuarantin (MK10))

Borang MK10

*Salinan Pejabat Stesen / Premis Kuarantin*

**JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)**  
 DEPARTMENT OF MALAYSIAN QUARANTINE AND INSPECTION SERVICES (MAQIS)  
**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA**  
 MINISTRY OF AGRICULTURE AND AGRO BASED INDUSTRY MALAYSIA



### Sijil Kuarantin (Pelepasan Haiwan daripada Kuarantin di Stesen Kuarantin / Premis Kuarantin)

*Quarantine Certificate (Release of Animal from Quarantine at the Quarantine Station / Premise)*

Daripada Stesen / Premis Kuarantin / From Quarantine Station / Premise:			Tarikh / Date:		
<b>SKH KLIA</b>					
1. Nama dan Alamat Pengimport / Pemunya <i>Name and Address of Importer / Owner</i>			2. Nama dan Alamat Ejen <i>Name and Address of Agent</i>		
1.1 No. Telefon /Faks Tel No./Fax	1.2 No. K.P. / Passport <i>I.C. / Passport</i>	2.1 No. Telefon /Faks Tel No./Fax	2.2 No. K.P. / Passport <i>I.C.No / Passport</i>		
3. Pintu Masuk / Entry Point	4. Tarikh Import / Date of Import	5. Negara Asal / Country of Origin		6. Tarikh mula kuarantin <i>Date Enter Quarantine</i>	
7. No. Sijil / Certificate No.		8. No. Permit CITES / CITES Permit No.		9. No. Lesen / Permit / Licence / Permit No.	

**10. Butiran haiwan / Animal Details**

Bil	Spesis/Varieti / Species/Variety	Baka / Breed	Umur/ Age	Jantina / Sex	Kuantiti / Quantity	No. Pengenalan / Identification No.	bil. Dilepaskan / No. Release
1							
2							
3							
4							
5							

<p><i>Pengesahan Pelepasan Selepas Tamat dari Kuarantin</i>  <i>Confirmation of Release after Completion of Quarantine</i></p> <p>Ketua Stesen Kuarantin / Pegawai MAQIS                  (Premis Kuarantin)  <i>Quarantine Station Chief Officer / MAQIS Officer (premise quarantine)</i></p> <p>.....                  Tandatangan / Signature</p> <p>Cop Nama &amp; Jawatan / Name &amp; Designation Stamp                  No. Telefon / Telephone No. :                  Tarikh / Date :</p>	<p>Adalah disahkan bahawa haiwan seperti di butiran para no. 10 telah dikuarantin di Stesen/Premis Kuarantin ini dan didapati bebas dari sebarang penyakit-penyakit yang merebak atau berjangkit serta telah mematuhi semua syarat-syarat kuarantin yang ditetapkan. Dengan ini haiwan seperti di para no.10 diluluskan untuk dilepaskan.  <i>It was confirmed that animals as mentioned in para no. 10 have been quarantined in this quarantine station/premise and found free from any infectious or contagious diseases and also has complied with all the quarantine requirement. Thus, the animals as mentioned in para no. 10 is approved to be released.</i></p> <p align="center"><b>Tarikh dan Masa dilepaskan (Date and Time of released) :</b></p>
---	---

<b>Akuan Penerimaan Haiwan yang telah dilepaskan dari Stesen / Premis Kuarantin</b>	
<i>Acknowledgment of receipt animals that have been released from the Quarantine Station /Premise</i>	
Pengimport / Ejen / Pemunya * <i>Importer / Agent / Owner*</i>  ..... Tandatangan / Signature  Cop Nama & Jawatan / Name & Designation Stamp No. Telefon / Telephone No. : Tarikh / Date :	Saya mengaku telah menerima haiwan seperti di para no. 10 dari Stesen Kuarantin / Premis Kuarantin dalam keadaan baik dan memuaskan. / I claimed to have received the animal as mentioned in para no. 10 in good and satisfactory conditions from the Quarantine Station / Premise  ..... Tarikh dan Masa diterima (Date and Time of receipts) :

\*Potong yang mana tidak berkenaan / Delete whichever is not applicable